

# IPT harus lebih proaktif

Dalam usaha tangani masalah penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda

■ **KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB**

**NILAI** - Institusi pengajian tinggi (IPT) disaran supaya memainkan peranan secara proaktif dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di negara ini, khususnya terhadap generasi muda.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Prof Datuk Dr Asma Ismail berkata, ilmuwan di IPT sewajarnya memanfaatkan kepakaran dimiliki bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk kebaikan sejagat.

"IPT perlu kekal relevan seiring dengan peredaran masa. Bagi mencapai matlamat itu, mereka seharusnya peka dengan isu semasa yang sedang melanda masyarakat dunia masa kini, selain mampu menanganinya dengan cekap dan bijaksana.

"Masalah penyalahgunaan dadah merupakan perka-



Asma (dua, kanan) dan Mohd Rushdan (tiga, kanan) sempat berbual bicara dengan Pengerusi dan pengasas bersama The Nazareth Formation House, Bob Garon (dua, kiri).

ra yang amat kompleks dan memerlukan kerjasama semua pihak, justeru gabungan ilmu aqli dan naqli adalah langkah terbaik untuk mendepaninya," katanya yang menegaskan tugas IPT bukanlah sekadar mendidik dan mem-

berikan segulung ijazah kepada graduan.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Pencegahan dan Rawatan Pemulihan Dadah (Prevent) 2014 di Universiti

Sains Islam Malaysia (Usim), di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad dan Pengarah Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (Acreda), Prof Madya

Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani.

Dalam pada itu, mengulas intipati diperoleh melalui program dijalankan pula, Mohd Rushdan merumuskan bahawa terapi psiko spiritual yang holistik mesti menjadi asas kepada usaha pemulihan penagih dadah dan tidak hanya bergantung kepada penggunaan ubat-ubatan sahaja.

"Terasnya adalah memulihkan aspek dalaman atau kerohanian pesakit terlebih dahulu, baharulah ia mampu memberi kesan manifestasi kepada bahagian luaran.

"Pada masa sama, kita juga merumuskan bahawa semua peringkat masyarakat tanpa mengira status atau cara hidup didapati berisiko terdedah kepada penyalahgunaan dadah dan bukannya tertumpu kepada golongan tertentu sahaja," katanya yang memberitahu Prevent 2014 julung kali diadakan bagi peringkat antarabangsa.

REAKSI PESERTA



Banyak perkembangan positif diperoleh selepas menyertai program ini. Saya sarankan supaya setiap guru kaunseling mengikutinya pada masa akan datang." - Husna Shamsuddin, 40, Sekolah Kebangsaan Seremban 3, Negeri Sembilan



Program sebegini wajar diteruskan di peringkat antarabangsa kerana membolehkan kami berkongsi ilmu antara satu sama lain." - Dr Rasinah Ahim, 45, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam